

Elak berfikiran kedaerahan: PM Sabah milik semua rakyat

BH 20 JAN 1990

KOTA KINABALU, Jumaat — **Perdana Menteri Datuk- Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini berkata rakyat Sabah hendaklah menyedari bahawa kemasukan rakyat Malaysia dari negeri-negeri lain ke negeri itu, bertujuan membantu memajukan Sabah.

Katanya, Malaysia boleh maju kerana kerajaan membuka pintu kepada pelabur asing yang masuk ke negara ini bukan sahaja membawa modal dan teknologi, tetapi juga pekerja mahir.

Rakyat Malaysia dari negeri lain yang berkhidmat di Sabah secara langsung membantu pembangunan negeri ini dan mendedahkan rakyat setempat kepada kemahiran dalam pelbagai lapangan, kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar di Tanjung Aru Beach Hotel, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.

Beliau tiba di sini semalam atas jemputan Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (Usno) untuk merasmikan Perhimpunan Agung Ke-22 Usno.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegaskan, tidaklah patut jika ada yang menganggap rakyat Malaysia dari negeri-negeri lain tidak mempunyai tempat di Sabah.

Katanya, rakyat Malaysia tidak boleh berfikiran sempit dan kedaerahan.

"Kalau orang dari Filipina dan Indonesia

yang ikut membantu memajukan negeri ini kita benarkan masuk. mengapa pula rakyat Malaysia sendiri yang datang dari luar Sabah tidak diterima?" tanya beliau.

Mengenai tuntutan Kerajaan Sabah supaya dinaikkan kadar royalti minyak, yang kini lima peratus, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai sebahagian daripada sebuah negara, setiap negeri mestilah menerima hakikat bahawa kekayaan negara, di manapun didapati, adalah kepunyaan rakyat.

"Tidak semua negeri di Malaysia kaya. Sabah juga sangat mundur ketika mencapai kemerdekaan dalam Malaysia, manakala negeri-negeri di Semenanjung pada masa itu telah jauh lebih maju.

Berkongsi

"Pada masa itu, banyak hasil Semenanjung kita gunakan untuk membiayai pembangunan di Sabah dan negeri-negeri lain yang masih terkebelakang.

"Sekarang, setelah maju dan menjadi negeri yang kaya, wajarlah Sabah berkongsi memajukan pembangunan di negeri-negeri lain. Inilah konsep bernegara dan tuntutan itu semestinya tidak timbul jika perasaan sebagai rakyat Malaysia cukup teguh," tegas Perdana Menteri.

Sebelum ini, Pengarah Yayasan Sabah Datuk Dr Jeffrey Kitingan meminta Kerajaan Pusat memberi royalti minyak kepada Sabah berasaskan kuota 50-50 dan bukan hanya lima peratus seperti sekarang.

Pada 23 Disember tahun lalu, Ketua Menteri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berkata kerajaan negeri sudah mengemuka-

kan rayuan agar kerajaan Persekutuan menambah kadar royalti minyak.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa dalam pembahagian peruntukan, Kerajaan Pusat sentiasa bersifat adil dan mengambil kira semua faktor, termasuk keperluan sesebuah negeri, keadaan kewangan negara dan kepentingan nasional secara keseluruhan.

Mengenai dakwaan kononnya Kerajaan Pusat mendalangi komplot yang hendak menggulingkan kerajaan negeri Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata itu hanyalah pandangan seseorang.

"Kerajaan Pusat pun boleh mendakwa bahawa kerajaan negeri tidak suka kepadanya. Saya tidak katakan ini, tapi ada yang berkata begitu. Ini hanya dakwaan dan Kerajaan Pusat sama sekali tidak mengambil kira hal itu dan menyifatkannya sebagai dakwaan sahaja." katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengulangi lagi nasihatnya supaya pemimpin-pemimpin politik di Sabah tidak meniupkan isu perkauman, kedaerahan dan agama.

Ditanya apakah Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan pencegahan jika isu-isu sensitif yang boleh melemahkan negara dan menimbulkan rasa permusuhan rakyat terus dilancarkan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kerajaan tidak akan menggunakan kuasanya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri jika tidak benar-benar perlu.

"Tetapi kalau timbul keadaan seperti yang berlaku pada November 1987 yang membawa kepada keadaan berbahaya, kerajaan terpaksa mengambil langkah-langkah yang perlu."